

Rompak juruwang kedai 24 jam, lelaki dipenjara tujuh tahun dan tiga sebatan

KUCHING: Seorang lelaki berusia 30 tahun dijatuhi hukuman penjara tujuh tahun dan dikenakan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen semalam kerana merompak seorang juruwang kedai serbaneka 24 jam di sini dengan bersenjatakan gergaji lipat.

Hakim Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohammad Nasrullah Abdullah selepas dia mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 392 Kanun Keseksaan dibacakan bersama Seksyen 397 Seksyen sama.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara hingga 14 tahun, denda atau sebat jika sabit kesalahan.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di kedai serbaneka 24 jam di Jalan

Main Bazaar di sini sekitar jam 4.14 pagi pada 24 Julai 2024.

Berdasarkan fakta kes, mangsa berusia 19 tahun iaitu juruwang kedai itu didatangi Mohammad Nasrullah yang bersenjatakan gergaji lipat.

Ekoran takut, juruwang itu menyerahkan RM700 selepas dipaksa oleh Mohammad Nasrullah.

Mohammad Nasrullah kemudiannya melarikan diri dari premis itu.

Juruwang tersebut dilaporkan tidak mengalami sebarang kecederaan dalam kejadian itu.

Laporan polis dibuat dan ini membawa kepada penangkapan Mohammad Nasrullah pada hari berikutnya (25 Julai 2024).

Siasatan mendapati Mohammad Nasrullah tidak menggunakan sebarang topeng atau penutup muka ketika kejadian dan mangsa berjaya mengenalinya semasa kawad cam.

Rakaman kamera litar tertutup turut mengesahkan kehadiran dan perbuatan Mohammad Nasrullah yang menyamun mangsa menggunakan gergaji lipat.

Malah, mangsa juga mengecam rampasan barang kes iaitu sebilah gergaji lipat sebagai senjata yang digunakan oleh Mohammad Nasrullah semasa kejadian.

Pendakwaan kes dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Norshafatihah Nor Azmi manakala Mohammad Nasrullah tidak diwakili peguam.